



## PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 6 TAHUN 2020

---

### GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN JABATAN PERHUTANAN SEmenanjung MALAYSIA

---

#### 1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Malaysia merupakan antara negara yang terjejas akibat penularan penyakit berjangkit Coronavirus 2019 (Covid-19) dan Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dalam mengawal penularan ini dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020.
- 1.2 Perintah Kawalan Pergerakan ini berlanjutan ke fasa Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Ogos 2020. Walau bagaimanapun, PKPP ini belum dapat dipastikan sehingga bila tempoh tamatnya.
- 1.3 Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengeluarkan *Standard Operation Procedure (SOP)* berdasarkan nasihat teknikal dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi aktiviti-aktiviti yang dibenarkan sepanjang tempoh PKPP.
- 1.4 Dengan mengambilkira SOP yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan SOP Am MKN bagi Penganjuran Majlis Kerajaan dan Swasta, maka Garis Panduan Pelaksanaan Peperiksaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ini dikeluarkan.
- 1.5 Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada calon yang akan menduduki peperiksaan dan kakitangan yang terlibat dalam perlaksanaan peperiksaan di peringkat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan mengambil kira langkah-langkah bagi mengawal penularan jangkitan penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19). Ia adalah terpakai bagi pelaksanaan semua peperiksaan yang dianjurkan oleh JPSM.
- 1.6 Garis panduan ini digubal untuk memastikan aktiviti peperiksaan dapat dijalankan dengan lebih teratur dan lancar. Disamping itu, aspek

keselamatan dan kesihatan calon dan kakitangan yang terlibat dapat diberikan keutamaan sebelum, semasa dan selepas peperiksaan.

## 2.0 PELAKSANAAN PEPERIKSAAN

- 2.1 Pelaksanaan peperiksaan boleh dilakukan dengan jumlah calon maksima yang dibenarkan bagi setiap siri peperiksaan adalah seramai 250 orang sahaja mengikut kapasiti ruang tempat peperiksaan dengan penjarakan sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- 2.2 Urus setia bagi penganjuran peperiksaan perlu melaksanakan saringan pemeriksaan kesihatan dengan kaedah :
  - i. Mengambil dan merekod suhu badan calon dan kakitangan yang terlibat sebelum peperiksaan dijalankan;
  - ii. Memastikan semua calon dan kakitangan yang terlibat dengan peperiksaan melalui saringan status kesihatan dan dilaksanakan setiap hari di lokasi yang ditetapkan sebelum peperiksaan bermula; dan
  - iii. Bagi mereka yang didapati mempunyai suhu badan melebihi 37.5 Celcius atau menunjukkan simptom seperti demam, sakit tekak, batuk, selsema, susah nafas tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.
- 2.3 Pemakaian pelitup muka (*face mask*) oleh pengawas peperiksaan/calon adalah digalakkan semasa pelaksanaan peperiksaan Jabatan.
- 2.4 Peperiksaan yang melibatkan aktiviti di lapangan mahupun di dalam bilik/dewan perlu dilaksanakan dengan mengamalkan penjarakan sosial satu (1) meter dalam semua aktiviti semasa peperiksaan berlangsung. Bagi peperiksaan yang dilaksanakan di dalam bilik/dewan, jarak susun atur meja dan kerusi adalah sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- 2.5 Bagi peperiksaan amali yang melibatkan pergerakan ke kawasan lapangan yang menggunakan bas jabatan, pembersihan dan disinfeksi perlu dilakukan sebelum dan selepas bas tersebut digunakan.
- 2.6 Pembudayaan penjagaan kebersihan tangan perlu diamalkan dengan memastikan calon dan kakitangan yang terlibat dengan peperiksaan kerap mencuci tangan dengan menggunakan air sabun. *Hand sanitizer* boleh digunakan sekiranya tiada kemudahan air dan sabun.

- 2.7 Pembersihan dan disinfeksi perlu dilaksanakan dengan cara memastikan kawasan peperiksaan bersih dan selamat untuk digunakan. Sekiranya terdapat kes positif COVID-19 di tempat peperiksaan, maka Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah perlu dipatuhi.
- 2.8 Hebahan maklumat langkah kebersihan dan keselamatan perlu dibuat dengan sewajarnya sebelum sesi peperiksaan berlangsung.
- 2.9 Pengurusan kes Covid-19 :
  - a) mengenal pasti dan menyediakan senarai kontak rapat bagi membantu PKD;
  - b) memberi kerjasama kepada anggota PKD; dan
  - c) mendapatkan nasihat daripada PKD mengenai keperluan melaksanakan pembasmian kuman di lokasi yang dikenal pasti.

### **3.0 PEMATUHAN**

Pematuhan Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh MKN dari semasa ke semasa.

### **4.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan terpakai bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia.

### **5.0 PEMBATALAN**

Pekeliling ini akan terbatal secara serta merta apabila tempoh PKP/PKPP tamat sepenuhnya.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)**

Ketua Pengarah Perhutanan  
Semenanjung Malaysia.

Tarikh : 8 Julai 2020